

24/07/1997

Tugas PRO artis mencabar

SEGELINTIR artis popular lebih suka dan senang ditemubual oleh wartawan yang mereka kenal, dan terlalu berhati-hati apabila bercakap dengan wartawan baru.

Eksekutif Pemasaran Mekar Productions, Nik Anura Abdul Rahman, berkata sikap beberapa artis ini memberikan cabaran kepada PRO supaya tidak berasa bosan menceritakan berulang kali perkembangan artis sendiri kepada wartawan baru.

"Ini menunjukkan artis popular bukan saja demanding tetapi begitu memilih apabila hendak ditemubual oleh wartawan.

"Mereka biasanya lebih senang dengan wartawan yang mereka kenal," katanya ketika menjadi panel Dialog Metro Ahad bertajuk Melayani Karenah Artis.

Sementara itu, Eksekutif Pemasaran Ambang Klasik, Mahathir Mohamad Sidi berkata sikap ambil mudah penyanyi dan kurang kerjasama menyukarkan tugas PRO di semua syarikat rakaman tanah air.

Katanya, ini menyebabkan PRO menjadi mangsa kemarahan wartawan dan penerbit rancangan televisyen sedangkan mereka sudah menjalankan tugas sebaik mungkin.

"Saya pernah mendapatkan satu slot di televisyen bagi satu kumpulan muzik terkenal. Saya sudah briefing semuanya.

"Namun, apabila tiba masa ditetapkan, hanya dua yang muncul daripada lima orang yang terbabit dalam kumpulan ini.

"Bayangkan apa perasaan PRO ketika itu. Seolah-olah mungkir janji kepada penerbit. Kemudian anggota kumpulan yang tidak datang tadi dengan senang cakap kita tak bagi tahu mereka," katanya.

Sementara itu, wakil dari BMG Music, Rohani Ismail berkata melayani kerenah wartawan lebih mudah daripada mengatasi kerenah artis.

"Dimarahi wartawan biasa saja. Tiada masalah besar dengan wartawan. Kerjasama daripada wartawan memang tiada masalah walaupun kadang-kadang ada sedikit perselisihan faham.

"Ini berlainan dengan karenah artis yang kadang-kadang memang payah diselesaikan, sehingga terpaksa meminta pegawai atasan campur tangan" jelasnya.

Wakil dari EMI, Mas Omar pula berkata setiap PRO dari mana-mana syarikat rakaman tidak pernah mengamalkan pilih kasih kepada artisnya.

"Dalam setiap syarikat rakaman, tiada seorang artis dianggap anak emas. Baru dan lama dilayan sama saja. Setiap artis, kita ada perancangan sendiri.

"Untuk artis baru promosi yang kita atur selalunya berperingkat-peringkat.

"Kita tidak pernah menjanjikan apa-apa kepada mereka.

"Sebenarnya, syarikat rakaman memperjudikan nasib apabila mengetengahkan artis baru. Kalau bernasib baik, ia cepat naik," ujarnya.

Dia juga berpendapat penyanyi yang tidak mempunyai pengurus lebih mudah diuruskan oleh PRO.

Menurutnya, campurtangan daripada pengurus artis kadang-kadang menimbulkan pelbagai masalah kepada PRO untuk mengatur strategi pemasaran dan promosi album.

"PRO menghadapi masalah besar kalau ada pengurus yang lebih berkuasa daripada artis itu sendiri.

"Pada saya, ada pengurus itu bagus, tapi adalah lebih baik kalau

pengurus hanya menguruskan soal peribadi dan mencari peluang untuk mengadakan pertunjukan pentas," katanya.

(END)